

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AWANG BIN HASHIM
[PENDANG]**

SOALAN

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah nama Syarikat SPV (*Special Purpose Vehicle*) yang ditubuhkan oleh Kementerian bagi mencairkan (*liquidate*) aset-aset Tabung Haji dan anak-anak syarikat Tabung Haji,

JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

Satu Syarikat Tujuan Khas (SPV) milik penuh Kerajaan telah ditubuhkan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia bagi membantu proses pemulihan dan penstrukturan Lembaga Tabung Haji iaitu Urusharta Jamaah Sdn Bhd (UJSB).

Pemindah aset-aset yang mengalami kejatuhan nilai dan memberi pulangan rendah kepada UJSB telah dibuat bagi menutup jurang di antara aset dan liabiliti yang dialami oleh Lembaga Tabung Haji untuk membolehkan pengagihan hibah atau dividen dibuat selaras dengan Akta Tabung Haji 1995.

Sekian. Terima kasih.